

Kabinet: Sokongan penuh

Susunan baru Dr. Mahathir dialu2

KUALA LUMPUR, Ahad — UMNO hari ini melahirkan keyakinan kepada kabinet baru yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semalam.

Setiausaha Agung UMNO Datuk Mustafa Jabar menaikkan kabinet baru itu sebagai dapat menjamin perkembangan ekonomi Malaysia yang lebih dinamik di masa hadapan.

Katanya, pertukaran portfolio beberapa kementerian dan kedudukan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan amatlah berselesaian dan kena masa.

"Perlantikan Datuk Musa Hitam sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri sejajar dengan keputusan persidangan UMNO baru-baru ini di mana Datuk Musa mendapat mandat parti dan dilantik sebagai Timbalan Presiden parti," ujarnya.

Tambah beliau, perlantikan Tengku Razaleigh sebagai Menteri Kewangan memperlihatkan keinginan UMNO supaya Tengku Razaleigh mestilah berkhidmat dalam Kerajaan.

Kebolehan

"Tidak dapat dinafikan kebolehan dan kepakaran Tengku Razaleigh dalam bidang kewangan antarabangsa amat berguna kepada negara ini," tambahnya.

Datuk Mustafa Jabar juga mengemukakan penubuhan Kementerian baru, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang dipimpin oleh Enik Sanusi Junid.

Katanya, Kementerian itu memperlihatkan betapa pembangunan negara dan luar bandar sekarang ini pesat berkembang.

Sementara itu C. Kuching, para pemimpin Barisan Nasional Sarawak sepakat bahawa perlantikan Menteri

dan Timbalan Menteri dalam kabinet yang baru adalah adil kepada komponen Barisan Nasional.

Timbalan Presiden Parti Pesaka Bumiputera Bersatu Sarawak (PBB) Datuk Alfred Jabu melahirkan sokongan penuh Sarawak kepada Kerajaan Pusat pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Timbalan Pengerusi Parti Rakyat Bersatu Sarawak (SUPP) Datuk Dr. Wong Soon Kai di samping menyokong kabinet yang baru juga mengemukakan perlintikan Datuk Dr. Sulaiman Daud sebagai Menteri Pelajaran dan Abang Abu bakar sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Setiausaha Kerja Parti Kebangsaan Sarawak (SNAP) Encik Gramong Juna, berkata kabinet baru itu akan membawa kemajuan dan penerusan kepimpinan dalam Kerajaan.

Di Kangan, Pemangku Menteri Besar Haji Ali Ahmad yakin kabinet baru Datuk Seri Dr. Mahathir akan membawa lebih banyak perutusan kepada negeri-negeri yang kurang maju seperti Perlis.

Sementara itu Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) juga mengemukakan kabinet baru den berjanji akan tetap mengekalkan hubungan rapat dengan kerajaan pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir.

Presiden MTUC Dr. P.P.Narayanan berkata, "MTUC akan mengemukakan taat selitanya kepada Perdana Menteri seperti taat setia yang diberikan kepada pemimpin-pemimpin yang lepas" ujarnya.

Manakala Penolong Setiausaha Agung DAP, Encik Lee Lam Thye pula berkata partinya akan melihat dengan teliti segala tindakan dan kemajuan Kerajaan hasil dari perubahan dalam kabinet.

DAP katanya, tidak teragak-agak memberi kritikan yang membina terhadap sebarang dasar kabinet baru itu yang menghalang proses mewujudkan sebuah negara yang bersatupadu.

Katanya, DAP berharap kabinet pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengambil tindakan positif untuk menyelesaikan pemisahan kaum dan rasuah.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia